



2 Mac 2012
2 March 2012
P.U. (A) 63

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGGALAKAN PELABURAN (AKTIVITI
DIGALAKKAN DAN KELUARAN DIGALAKKAN BAGI
SYARIKAT KECIL-KECILAN) 2012

*PROMOTION OF INVESTMENTS (PROMOTED ACTIVITIES
AND PROMOTED PRODUCTS FOR SMALL SCALE
COMPANIES) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

PERINTAH PENGGALAKAN PELABURAN (AKTIVITI DIGALAKKAN DAN KELUARAN
DIGALAKKAN BAGI SYARIKAT KECIL-KECILAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Mac 2012.

Aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat kecil-kecilan

2. Aktiviti dan keluaran yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ditentukan sebagai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat berteknologi tinggi.

Pembatalan

3. Perintah yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
(Perenggan 2)

AKTIVITI DIGALAKKAN DAN KELUARAN DIGALAKKAN BAGI SYARIKAT KECIL-
KECILAN

<i>Industri</i>	<i>Keluaran/Aktiviti</i>
I. Aktiviti pertanian	(1) Akuakultur (2) Apikultur
II. Pemprosesan hasil pertanian	(1) Kopi (2) Teh (3) Buah-buahan (4) Sayur-sayuran (5) Herba atau rempah. (6) Koko dan keluaran koko (7) Keluaran kelapa kecuali kelapa kering dan minyak kelapa mentah (8) Kanji dan keluaran kanji (9) Keluaran bijirin (10) Keluaran gula dan konfeksioneri (11) Ekstrak hasil tanaman (12) Keluaran apikultur (13) Ramuan makanan haiwan (14) Sisa dan keluaran sampingan pertanian
III. Keluaran perhutanan	(1) Keluaran rotan (tidak termasuk batang, kulit dan serpihan daripada rotan) (2) Keluaran buluh (3) Keluaran perhutanan lain
IV. Pengilangan keluaran getah	(1) Keluaran getah dibentuk (2) Keluaran getah semperit (3) Keluaran getah am

<i>Industri</i>	<i>Keluaran/Aktiviti</i>
V. Pengilangan keluaran minyak kelapa sawit dan terbitannya	(1) Keluaran diproses daripada minyak kelapa sawit (2) Keluaran diproses daripada biojisim kelapa sawit atau sisa buangan atau keluaran sampingannya
VI. Pengilangan bahan kimia dan farmaseutikal	(1) Penyediaan, penyebaran dan penyalutan khusus pigmen (2) Bahan pengeringan (3) Bioresin (biopolimer) (4) Dakwat inkjet
VII. Pengilangan kayu dan keluaran kayu	(1) Papan panel perhiasan (tidak termasuk papan lapis kosong) (2) Kayu kumai (3) Barang-barang pertukangan dan tanggam (4) Keluaran yang dihasilkan daripada penggunaan sisa kayu (contohnya arang yang diaktifkan, bahan penyala kayu dan serabut kayu tatal) (5) Perkakasan kayu isi rumah dan pejabat
VIII. Pengilangan kertas dan keluaran papan kertas	(1) Keluaran kertas dibentuk
IX. Pengilangan tekstil dan keluaran tekstil	(1) Batik atau songket atau pua (2) Aksesori untuk industri tekstil

<i>Industri</i>	<i>Keluaran/Aktiviti</i>
X. Pengilangan keluaran berasaskan tanah liat dan berasaskan pasir serta keluaran mineral bukan logam lain	(1) Barang-barang kesenian, perhiasan dan peralatan daripada tembikar dan kaca (2) Keluaran lelas untuk pencanaian, penggilapan dan penajaman
XI. Pengilangan keluaran besi dan keluli, logam bukan ferus dan keluarannya	(1) Dawai dan keluaran dawai (2) Keluaran pasangsiap
XII. Keluaran dan perkhidmatan sokongan	(1) Pengecapan logam (2) Kedapan perindustrian atau bahan kedapan
XIII. Pengilangan komponen, bahagian dan aksesori pengangkutan	(1) Komponen, bahagian dan aksesori pengangkutan
XIV. Pengilangan bahagian dan komponen bagi jentera dan peralatan	(1) Bahagian dan komponen bagi jentera dan peralatan
XV. Pengilangan keluaran elektrik dan elektronik, komponen dan bahagian berkaitan	(1) Keluaran elektrik pengguna, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya (2) Keluaran elektronik pengguna, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya (3) Keluaran elektrik perindustrian, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya

<i>Industri</i>	<i>Keluaran/Aktiviti</i>
	(4) Keluaran elektronik perindustrian, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya
XVI. Pengilangan perabot, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya	(1) Perabot, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya
XVII. Pengilangan alat permainan dan aksesori	(1) Alat permainan dan aksesori
XVIII. Pengilangan cenderamata	(1) Cenderamata, hadiah dan hiasan
XIX. Pengilangan keluaran plastik	(1) Panel hiasan dan perhiasan (2) Sebatian pembentukan pengkapsulan epoksi

JADUAL KEDUA
(Perenggan 3)

SENARAI PERINTAH YANG DIBATALKAN

1. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) 1998 [*P.U. (A) 81/1998*].
2. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) (Pindaan) 2000 [*P.U. (A) 305/2000*].
3. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) (Pindaan) 2001 [*P.U. (A) 386/2001*].
4. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) (Pindaan) 2005 [*P.U. (A) 96/2005*].
5. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) (Pindaan) (No.2) 2005 [*P.U. (A) 366/2005*].
6. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) (Pindaan) (No.3) 2005 [*P.U. (A) 483/2005*].
7. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) (Pindaan) 2007 [*P.U. (A) 275/2007*].
8. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) (Pindaan) 2008 [*P.U. (A) 208/2008*].

Dibuat 29 Februari 2012
[MITI:ID/BI/S/0.1432 Jld. 5; PN(PU2)451/VI]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Dipersetujui 1 Mac 2012

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

PROMOTION OF INVESTMENTS ACT 1986

PROMOTION OF INVESTMENTS (PROMOTED ACTIVITIES AND PROMOTED PRODUCTS
FOR SMALL SCALE COMPANIES) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*], the Minister, with the concurrence of the Minister of Finance, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 2 March 2012.

Promoted activities and promoted products for small scale companies

2. The activities and products listed in the First Schedule are determined to be promoted activities and promoted products for small scale companies.

Revocation

3. The Orders as set out in the Second Schedule are revoked.

FIRST SCHEDULE
(Paragraph 2)

PROMOTED ACTIVITIES AND PROMOTED PRODUCTS FOR SMALL SCALE COMPANIES

<i>Industries</i>	<i>Products/ Activities</i>
I. Agricultural activities	(1) Aquaculture (2) Apiculture
II. Processing of agricultural produce	(1) Coffee (2) Tea (3) Fruits (4) Vegetables (5) Herbs or spices (6) Cocoa and cocoa products (7) Coconut products except copra and crude coconut oil (8) Starch and starch products (9) Cereal products (10) Sugar and confectionary products (11) Plant extracts (12) Apiculture products (13) Animal feed ingredients (14) Agricultural wastes and by-products
III. Forestry products	(1) Rattan products (excluding pole, peel and split) (2) Bamboo products (3) Other forestry products
IV. Manufacture of rubber products	(1) Moulded rubber products (2) Extruded rubber products (3) General rubber goods

<i>Industries</i>	<i>Products/ Activities</i>
V. Manufacture of oil palm products and their derivatives	(1) Processed products from palm oil (2) Processed products from palm biomass or waste or by-products
VI. Manufacture of chemicals and pharmaceuticals	(1) Pigment preparation, dispersions and specialty coatings (2) Desiccant (3) Bio-resin (biopolymer) (4) Inkjet inks
VII. Manufacture of wood and wood products	(1) Decorative panel boards (excluding plain plywood) (2) Timber mouldings (3) Builders' carpentry and joinery (4) Products derived from utilisation of wood waste (example activated charcoal, wooden briquettes, wood wool) (5) Wooden household and office articles
VIII. Manufacture of paper and paperboard products	(1) Moulded paper products
IX. Manufacture of textiles and textile products	(1) Batik or songket or pua (2) Accessories for the textile industry
X. Manufacture of clay-based and sand-based products and other non-metallic mineral products	(1) Artware, ornaments and articles of ceramic or glass (2) Abrasive products for grinding, polishing and sharpening

<i>Industries</i>	<i>Products/ Activities</i>
XI. Manufacture of iron and steel products, non-ferrous metals and their products	(1) Wire and wire products (2) Fabricated products
XII. Supporting products and services	(1) Metal stamping (2) Industrial seals or seal materials
XIII. Manufacture of transport components, parts and accessories	(1) Transport components, parts and accessories
XIV. Manufacture of parts and components for machinery and equipment	(1) Parts and components for machinery and equipment
XV. Manufacture of electrical and electronic products, components and parts thereof	(1) Consumer electrical products, parts and components (2) Consumer electronic products, parts and components (3) Industrial electrical products, parts and components (4) Industrial electronic products, parts and components
XVI. Manufacture of furniture, parts and components	(1) Furniture, parts and components
XVII. Manufacture of games and accessories	(1) Games and accessories
XVIII. Manufacture of souvenirs	(1) Souvenirs, giftwares and decorative wares

<i>Industries</i>	<i>Products/ Activities</i>
XIX. Manufacture of plastic products	(1) Decorative panels and ornaments (2) Epoxy encapsulation moulding compound

SECOND SCHEDULE
(Paragraph 3)

LIST OF ORDERS REVOKED

1. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) Order 1998 [*P.U. (A) 81/1998*].
2. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) (Amendment) Order 2000 [*P.U. (A) 305/2000*].
3. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) (Amendment) Order 2001 [*P.U. (A) 386/2001*].
4. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) (Amendment) Order 2005 [*P.U. (A) 96/2005*].
5. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) (Amendment) (No. 2) Order 2005 [*P.U. (A) 366/2005*].
6. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) (Amendment) (No. 3) Order 2005 [*P.U. (A) 483/2005*].
7. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) (Amendment) Order 2007 [*P.U. (A) 275/2007*].

8. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) (Amendment) Order 2008 [*P.U. (A) 208/2008*].

Made 29 February 2012

[MITI:ID/BI/S/0.1432 Jld. 5; PN(PU2)451/VII]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of International Trade and Industry

Concurred 1 March 2012

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance